



KENYATAAN MEDIA

ALERT: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) mengadakan Majlis Gotong-Royong Perdana untuk memastikan kebersihan Tapak Warisan Chenor terpelihara dan bersedia untuk menerima Tetamu Di Raja Pahang Sempena Pesta Chenor Pahang 2019.

GOTONG ROYONG PERDANA SEMPENA PESTA CHENOR 2019

CHENOR, MARAN 19 April : Pesta Chenor 2019 merupakan Program Khas Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia melalui Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Pahang dan dikelola bersama oleh Kerajaan Negeri Pahang dan Agensi Kerajaan Negeri yang terlibat. Program ini akan berlangsung pada 25 – 28 April 2019 selama 4 hari bertempat di Pekan Chenor Lama, Chenor, Maran, Pahang.

Sebelum berlangsungnya Pesta Chenor 2019, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Pahang telah mengambil inisiatif dengan mengadakan satu Program Gotong Royong Perdana bagi tujuan memastikan kawasan sekitar program dalam keadaan yang bersih dan terjaga.

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Yang Berhormat Tuan Muhammad Bakhtiar Bin Wan Chik bersama-sama bergotong-royong di program ini pada 19 April 2019 (Jumaat) yang bermula seawal jam 8.00 pagi.

“Objektif program ini diadakan adalah untuk menanamkan semangat toleransi dan pemuafakatan yang menjadi nilai kemanusiaan sejagat bagi melahirkan rasa cinta terhadap kebersihan dan nilai kerjasama sebagai rakyat Malaysia”, kata Timbalan Menteri Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia, Tuan Bakhtiar Wan Chik dalam satu kenyataan hari ini.

Pelaksanaan program ini bersama-sama komuniti setempat serta melibatkan beberapa agensi di bawah kerajaan negeri dan juga persekutuan mampu memberi impak yang berkesan untuk memastikan sungai sentiasa bersih dan terpelihara daripada pencemaran daripada sisa-sisa buangan manusia. Melalui program ini juga, dapat memperkasakan nilai-nilai murni dikalangan masyarakat setempat dan mengeratkan silaturrahim di antara masyarakat tempatan dan pentadbir budaya serta agensi-agensi di peringkat persekutuan dan negeri kekal terjalin tanpa mengira fahaman politik.

“Kita tidak mahu habitat dan kehidupan sungai Pahang terjejas terutama pengusaha-pengusaha Sangkar Ikan Patin yang menjadikan salah satu sumber ekonomi mereka terjejas akibat daripada pencemaran ini dan isu sungai kim-kim di Johor adalah salah satu isu pengajaran yang perlu kita ambil bersama”

Pada program ini, aktiviti yang dijalankan adalah menyusur sungai Pahang bersama Media dan bermesra dengan agensi-agensi yang akan terlibat seperti Pusat Perkhidmatan Ahli Parlimen Maran, Pusat Khidmat DUN Chenor, Pejabat Daerah dan Tanah Maran, Majlis Daerah Maran. Selain itu, terdapat juga Badan Beruniform iaitu Markas 4 Briged Mekanise, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pejabat Pertahanan Awam Maran.

Antara agensi dan jabatan lain yang sama-sama menjayakan program ini juga adalah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Maran, JKR Maran, RISDA Maran, Kolej Vokasional Pertanian Chenor, Pengurusan Sisa Pepajal dan Pembersihan Awam, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kg. Chenor, Mukim Chenor Bandar, Mukim Bukit Segumpal, Mukim Kertau/ Chenor Seberang, Kelab Kebajikan Sosial & Masyarakat Chenor manakala Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia juga turut serta memeriahkan program tersebut.

“Dengan adanya persediaan seumpama ini, maka pihak JKKN dan masyarakat Chenor bersedia untuk menerima tetamu Di Raja Pahang pada 27 April ini bagi memeriahkan Pesta Chenor yang telah diadakan untuk kali ke-7 pada tahun ini”, kata Timbalan Ketua Pengarah JKKN, Mesran Mohd Yusop kepada media pada hari ini.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Unit Komunikasi Korporat JKKN atau boleh melayari laman media sosial JKKN.

TAMAT

Website: www.jkkn.gov.my atau <https://pemetaanbudaya.my>

Email: ukk@jkkn.gov.my

Platform Media Sosial Rasmi JKKN:

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian negara dan @mysenibudaya

Instagram, Twitter & You Tube : @mysenibudaya

Dikeluarkan Oleh,

NORBAIZURA NORKEMAN

PEGAWAI KEBUDAYAAN

Unit Komunikasi Korporat Dan Dokumentasi

JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA, PAHANG

Tel : 09-5178466/ Faks : 09-5179466

Email : norbaizura@jkkn.gov.my